



ABDULLAH bersalam dengan ahli Lada diiringi Menteri Besar Kedah (merangkap Pengerusi Bersama Lada), Datuk Seri Syed Razak Syed Zain (kiri) dan Pengurus Besar Lada, Datuk Anwar Abd Rahman (dua dari kiri) sebelum mempengerusikan mesyuarat di Kompleks Perdana Putra, semalam. - Gambar oleh Ramdzan Masiam

PM arah Lada perbanyak program untungkan penduduk

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) memperbanyakkan projek dan program yang boleh dimanfaatkan penduduk di pulau itu.

Abdullah berkata, penduduk harus diberi peluang terbabit secara langsung dan mendapat keuntungan daripada kebanjiran beribu-ribu pelancong ke pulau peranginan itu.

"Kehadiran ramai pelancong di Langkawi dilihat sebagai pasaran kepada penduduk di pulau itu dan bukan hanya untuk keuntungan hotel.

"Kita perlu terus fikir untuk memperbanyakkan projek yang dimiliki rakyat pulau itu supaya mereka berasa pembangunan Langkawi dan industri

pelancongan memberi pendapatan, keuntungan dan faedah kepada mereka," katanya selepas kali pertama mempengerusikan mesyuarat dan mendengar taklimat Lada di Kompleks Perdana Putra di sini, semalam.

Pada taklimat kira-kira 90 minit itu, Abdullah turut memberi beberapa cadangan untuk merencanakan lagi pembangunan di pulau peranginan itu.

Mengulas lanjut Abdullah yang juga Pengerusi Lada menekankan perlu diwujudkan peluang bagi penduduk tempatan menambah pendapatan menerusi projek dan program di Pulau Langkawi dan mengambil kesempatan daripada kemasukan ramai pelancong.

Katanya, sebelum ini sudah ada usaha ke arah itu tetapi kerajaan mahu ia diperbanyakkan supaya nikmat pembangunan di pulau berkenaan dirasakan penduduk.

"Yang saya tekankan supaya diperbanyakkan biar program seperti ini diseimbangkan juga dengan pembangunan hotel yang besar dan projek lain," katanya.

Abdullah berkata, sekretariat Lada diarah mengenal pasti projek yang boleh dilaksanakan.

"Jadi kita perlu meningkatkan kualiti kemudahan dalam segala aspek. Dengan cara ini saya percaya Langkawi akan bertambah masyhur dan akan menjadi tarikan lebih hebat pada masa depan," katanya.